



Ruj : UKM KPD/262/2

Tarikh : 9 April 2018

Semua Pelajar Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2017-2018
2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018-2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 2 Sesi Akademik 2017-2018 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai **23 April hingga 6 Mei 2018** sebelum membuat pendaftaran awal Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019 bermula **23 April hingga 6 Mei 2018** di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. **Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.** Pendaftaran awal ini **penting** bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.

Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3994/5609. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

NOOR SUZILAWATI BINTI DESA

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. - Penyelaras Program, FTSM
- Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP